

NO. SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJUNG KARANG]**

TARIKH : 29.10.2014

RUJUKAN : 7162

SOALAN:

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai yang telah didakwa di
bawah Akta SOSMA semenjak ianya dikuatkuasakan dan apakah
halangan-halangan yang dihadapi untuk menguatkuasakannya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Seramai 41 orang telah didakwa di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 sejak ianya dikuatkuasa pada 31 Julai 2012.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di dalam menguatkuasakan sesuatu undang-undang yang baru, sudah pasti semua pihak yang terlibat dengan penguatkuasaannya kurang memahami dari segi pelaksanaannya. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengatasinya melalui penganjuran kursus, bengkel serta taklimat mengenai Akta ini bagi meningkatkan lagi pemahaman, kecekapan dan keupayaan dalam pelaksanaan Akta